

## Pengetahuan Kaunselor dalam Memahami Klien Gay dan Lesbian

### *Counselors' Knowledge in Understanding Gay and Lesbian Clients*

SITI HAJAR JAMAL, NASRUDIN SUBHI & SALLEH AMAT

#### ABSTRAK

*Kompetensi adalah satu aspek penting dalam menjamin tahap profesionalisme seseorang kaunselor. Kompetensi kaunselor dinilai berdasarkan tiga aspek utama iaitu pengetahuan, kemahiran dan nilai. Kaunselor yang kompeten perlu mempunyai pengetahuan yang fleksibel, realistik, dan berpandangan luas dalam sesi kaunseling. Justeru, objektif kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti sejauh manakah pengetahuan yang dikuasai oleh kaunselor dalam mengendalikan kes gay dan lesbian. Metodologi kajian yang digunakan ialah secara kualitatif melalui teknik persampelan bertujuan. Seramai 15 orang peserta kajian yang terdiri daripada kaunselor berdaftar telah ditemu bual secara mendalam. Kesemua mereka berpengalaman mengendalikan sesi kaunseling dengan klien gay dan lesbian. Data dianalisis dengan cara meneliti transkripsi rakaman temu bual dan mengenal pasti tema pengetahuan yang muncul berdasarkan objektif kajian dengan bantuan program Nvivo 11. Sebanyak lima sub tema utama telah dikenal pasti: (i) pengetahuan aspek teori dan psikologi, (ii) maklumat latar belakang isu gay dan lesbian, (iii) identiti dan istilah, (iv) kesihatan mental dan (v) kaunseling silang budaya. Kesimpulannya seorang kaunselor perlu berpengetahuan luas bukan sahaja dalam bidang kaunseling malah turut berpengetahuan dalam isu-isu yang melibatkan golongan gay dan lesbian. Implikasi kajian ini dapat meningkatkan tahap kesedaran dan pengetahuan seseorang kaunselor sekiranya mahu memberikan perkhidmatan kaunseling kepada golongan gay dan lesbian. Selain itu, dapatan kajian diharap dapat membantu pendidik di bidang kaunseling agar kaunselor yang dilatih lebih kompeten dalam mengendalikan isu gay dan lesbian.*

*Kata kunci: Pengetahuan; kompetensi; kaunselor; memahami klien gay; lesbian*

#### ABSTRACT

*Competency is an important aspect to ensure the level of professionalism of a counselor. Competency counselor rated according to three main components which are knowledge, skills and attitude. A competent counselor should have flexible, realistic and wide-ranging knowledge in counseling session. Therefore, the objective of the study conducted is to identify to what extent does the knowledge possessed by counselors' in handling gay and lesbian clients. The methodology used in-depth interview method through purposive sampling technique. A total of 15 study participants consisted of registered counselors were interviewed in depth. All of them are experienced in counseling sessions with clients gay and lesbian. Data were analyzed by examining the interview recordings transcription and identifying the emerging theme based on the study objective with the help of Nvivo 11 software. Generally, this interview data analysis shows that there are five main themes: (i) theoretical and psychological aspects of knowledge, (ii) background information on gay and lesbian issue, (iii) terms and identity, and (iv) mental health and (v) cross-cultural counseling. In conclusion, a counselor should be knowledgeable not only in the field of counseling but also knowledgeable in issues involving gays and lesbians. The study implication is so that it can increase the counselor's awareness level and knowledge if he or she wishes to provide counseling services to these gay and lesbian individuals. Apart from that, findings of the study are expected to assist educators who work in counseling field so that the trained counselors are more competent in handling gay and lesbian issue.*

*Keywords: Knowledge; competency; counsellor; understanding gay; lesbian client*

## PENGENALAN

Kompetensi adalah satu aspek penting dalam menjamin tahap profesionalisme seseorang kaunselor. Kompetensi kaunselor dinilai berdasarkan tiga aspek utama iaitu pengetahuan, kemahiran dan kesungguhan (Welfel 2016). Di Malaysia, Lembaga Kaunselor Malaysia bertanggungjawab dalam menentukan kaunselor yang didaftarkan mempunyai tahap kompetensi yang baik agar perkhidmatan kaunseling yang diberikan oleh kaunselor mengikut piawaian yang telah ditetapkan. Bagi memastikan perkara ini terlaksana dengan sempurna, Lembaga Kaunselor Malaysia telah mengeluarkan garis panduan Piawaian dan Kelayakan Latihan Kaunselor (2016) yang perlu dipatuhi oleh setiap institusi pengajian tinggi yang mengeluarkan graduan dalam bidang kaunseling.

Kompetensi kaunselor dalam mengendalikan kes gay dan lesbian ini, merangkumi aspek pengetahuan umum tentang seksualiti, nilai dan etika yang perlu ada pada kaunselor bagi mengendalikan sesi bersama klien gay dan lesbian (Caldwell et al. 2010; Constantine & Ladany 2001). Manakala, kajian Logan dan Barret (2001) menjelaskan bahawa kaunselor berupaya memahami dan mempunyai pengetahuan yang mendalam berkaitan isu-isu gay dan lesbian. Isu-isu gay dan lesbian ini merangkumi pengetahuan berkaitan orientasi seksual klien, pembangunan identiti gay dan lesbian, pengetahuan HIV dan penyakit berjangkit melalui hubungan seksual sesama jantina, pengetahuan kesihatan mental dan kebolehan kaunselor untuk meneroka sejarah kehidupan klien yang meliputi hubungan keluarga dan pengalaman lampau klien.

Beberapapengkaji (contoh, Brittany & Jacqueline 2017; Farmer, 2011; Israel 2013; Skerven et al. 2019) telah menekankan isu kompetensi kaunseling gay dan lesbian untuk meningkatkan kompetensi kaunselor. Bagi meningkatkan kompetensi kaunselor dalam aspek pengetahuan terdapat pelbagai program yang dijalankan berkaitan isu-isu gay dan lesbian dalam membantu kaunselor mendalami isu ini (Bidell 2005; Israel et al. 2003). Dengan kata lain, seseorang kaunselor perlu kompeten dalam mengendalikan klien daripada pelbagai latar belakang dan tidak mendiskriminasi berdasarkan umur, budaya, kaum, etnik, agama, orientasi seksual dan jantina.

Isu kompetensi di Malaysia telah banyak dibincangkan dalam cabang kaunseling seperti kaunseling kerjaya, spiritual, dadah, perkahwinan dan silang budaya (Dini Farhana 2016; Mazidah Dagang

2013). Namun, dari aspek gay dan lesbian, kajian berkenaan hal ini masih terhad. Memandangkan isu gay dan lesbian ini semakin menular dan sering kali diperdebatkan dalam masyarakat maka isu kompetensi kaunseling gay dan lesbian wajar diteliti dan dibincangkan. Golongan ini juga memerlukan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling seperti golongan heteroseksual sama ada dalam aspek kesihatan mental, perkembangan diri, akademik, seksual, perkahwinan, keluarga dan kerjaya (Israel 2013; Lugg & Murphy 2014; Moe et al. 2017; Rumens 2017).

Sehubungan itu, kajian-kajian lepas di barat menunjukkan ahli-ahli akademik dan kaunselor telah mula menyedari kepentingan memahami golongan gay dan lesbian melalui pengendalian kaunseling. Perkara ini dibuktikan melalui kajian-kajian lepas yang memperihalkan pengetahuan daripada aspek meneroka isu-isu gay dan lesbian (Logan & Barret 2001; Sakunpong 2018), kesedaran kepentingan kaunseling gay dan lesbian (Ginicola et al. 2017; Jeffrey et al. 2019; Rutter et al. 2008; Singh & Dickey 2017) dan sumbangan kaunseling multibudaya kepada kompetensi kaunselor dengan klien gay, lesbian dan biseksual (Israel & Selvidge 2004). Oleh itu, kajian di barat telah lama menerajui bidang kaunseling gay dan lesbian berbanding kajian di Malaysia. Tidak dinafikan golongan gay dan lesbian semakin jelas kelihatan kewujudannya di dalam masyarakat. Hal ini terjadi disebabkan oleh pengaruh liberisme dalam masyarakat (Norsaleha et al. 2021) termasuklah dalam soal gay dan lesbian. Ini menjadikan golongan gay dan lesbian di Malaysia bukan sahaja berhadapan dengan isu identiti seksual dan gaya hidup malah turut berkemungkinan besar berhadapan dengan konflik agama dan kepercayaan (Mohammed Yusof & Nasrudin 2018).

Tinjauan literatur di luar negara dapat dirumuskan bahawa kompetensi kaunselor dalam aspek pengetahuan begitu signifikan dalam pengendalian kaunseling gay dan lesbian. Namun, pengkaji mendapati kajian-kajian dalam konteks di Malaysia yang dibincangkan ini bersifat umum dan tidak mengklasifikasikan kepada kompetensi kaunseling gay dan lesbian secara spesifik. Kajian literatur banyak mengisarkan aspek tingkah laku gay dan lesbian dari perspektif agama dan pembangunan sahsiah. Kajian juga kurang pendedahan berkaitan latihan yang khusus dari aspek keperluan kaunseling klien gay dan lesbian (Siti Hajar 2020). Kekurangan kajian ini mungkin disebabkan faktor budaya dan agama berbeza dengan barat menyebabkan keperluan

kajian ini tidak dititikberatkan. Namun, kajian berkisar isu gay dan lesbian sudah mula mendapat tempat dalam kalangan pengkaji di Malaysia kerana sejak kebelakangan ini hangat diperdebatkan oleh masyarakat Malaysia. Sehubungan dengan itu, dalam memastikan proses hubungan menolong ini menjadi berkesan, aspek kompetensi kaunselor amatlah penting dalam memastikan penyampaian perkhidmatan kaunseling ini mencapai matlamat sebenar.

Justeru, dengan menjalankan kajian penerokaan kualitatif yang menggunakan reka bentuk kajian kes ini, dapat mengisi jurang dalam kajian terdahulu dengan meneroka secara lebih mendalam dari aspek pengetahuan kaunselor terhadap isu-isu gay dan lesbian. Kepentingan mengupas isu kompetensi ini adalah bersesuaian dengan keperluan semasa kerana isu ini masih kekurangan kajian tempatan yang telah dilakukan, maka pemilihan kaedah kualitatif untuk meneroka isu dilihat bersesuaian. Oleh itu, objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti sejauh manakah pengetahuan yang dikuasai oleh kaunselor dalam memahami kes kaunseling gay dan lesbian.

## MODEL KOMPETENSI GAY DAN LESBIAN

Kajian ini merupakan sebahagian daripada kajian tesis doktor falsafah yang bertajuk “Meneroka kompetensi kaunselor dalam pengendalian klien gay dan lesbian.” Kajian ini hanya memberi penumpuan kepada model kompetensi klien gay dan lesbian sahaja. Kajian ini turut merujuk model kompetensi gay dan lesbian yang telah dibangunkan oleh Israel & Selvidge (2004), yang telah mengambil pendekatan kaunseling silang budaya dalam pembinaan model mereka. Berdasarkan model ini, kaunselor perlu menguasai tiga komponen iaitu pengetahuan, kemahiran dan sikap bagi meningkatkan kompetensi kaunseling gay dan lesbian (Farmer 2011; Israel et al. 2003). Pengetahuan merujuk kepada mendapatkan pengetahuan mengenai gay dan lesbian, isu-isu berkaitan latar belakang dan gaya hidup serta kefahaman dalam memahami golongan gay dan lesbian. Kemahiran kompetensi gay dan lesbian pula melibatkan kemahiran dan teknik yang sesuai dan bermanfaat yang boleh digunakan untuk berhadapan dengan klien gay dan lesbian. Sikap menerangkan tahap sikap afirmatif atau bukan afirmatif kepada klien yang merangkumi kesedaran diri seseorang mengenai sikap, berat sebelah, dan kepercayaan.

Kaunselor yang kompeten wajar mempunyai

pengetahuan dan kecekapan teknikal dalam menggunakan kemahiran serta beretika dan berintegriti (Siti Hajar et al. 2020). Mereka mempunyai pengalaman dan pengetahuan yang luas tentang permasalahan yang dihadapi oleh klien dan juga tentang pola atau corak yang biasa. Pengetahuan merangkumi maklumat tentang teori dan penyelidikan dalam bidang tertentu. Khususnya yang berkaitan dengan cara seseorang itu membuat pemilihan dan pertimbangan sesuatu perkara. Seterusnya mempunyai pengetahuan dalam menggunakan pendekatan untuk membuat intervensi terhadap klien gay dan lesbian (Brittany & Jacqueline 2017; Israel et al. 2003). Pengetahuan yang mendalam berkaitan dengan gay dan lesbian amat penting kepada kaunselor untuk menjadi kompeten dalam mengendalikan sesi kaunseling. Kaunselor mestilah mempunyai pengetahuan berkaitan latar belakang gay dan lesbian dari segi rangkaian yang mendokong golongan ini, gaya hidup dan keagamaan serta kerohanian yang dipegang oleh mereka (Brittany & Jacqueline 2017; Graham 2009; Israel et al. 2003).

Seterusnya, pengkaji-pengkaji lepas turut membincangkan bahawa kaunselor seharusnya mempunyai pengetahuan kaunseling silang budaya. Kompetensi silang budaya ini telah disesuaikan untuk membangunkan kompetensi yang khusus untuk golongan gay dan lesbian dari segi kesedaran, pengetahuan dan kemahiran (Israel et al. 2003; Logan & Barret 2001). Kaunseling silang budaya menekankan identiti budaya dalam demografi klien seperti agama, jantina, kebolehan fizikal, status sosioekonomi, dan orientasi seksual selain etnografi seperti identiti kaum atau etnik (Pedersen 2003). Oleh demikian, satu takrifan yang lebih luas kaunseling pelbagai budaya kini disokong, dengan perhatian diberikan kepada keperluan unik setiap kumpulan dalam masyarakat terutama kepada golongan minoriti seperti gay dan lesbian.

## METODOLOGI

Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian kualitatif yang dilaksanakan secara kajian kes serta melibatkan temu bual mendalam secara separa berstruktur. Kajian kes ini disifatkan sebagai kajian yang berbentuk sumber untuk dianalisis bagi menilai fenomena yang dikaji (Merriam 2009; Yin 2014). Kajian kes juga dapat membantu pengkaji memperjelaskan maklumat secara terperinci dan

mendalam serta menghasilkan huraian kajian dengan lebih tepat (Creswell 2012; Yin 2015). Pengkaji telah memilih kaedah kajian kes disebabkan sifat kajian yang bertujuan untuk meneroka dan memahami sesuatu dengan lebih mendalam. Hal ini demikian dapat membantu pengkaji kualitatif untuk membuat laporan kajian secara deskriptif bagi menjelaskan penemuan baharu dalam kajian.

Kajian kes ini juga sangat sesuai digunakan untuk mengkaji fenomena yang menunjukkan interaksi yang berlaku dan dapat menghasilkan pola terperinci tentang fenomena yang dijalankan oleh pengkaji (Merriam 2009; Yin 2015). Oleh itu, dalam kajian ini digunakan untuk meneroka dengan lebih mendalam berkaitan pengetahuan kaunselor dalam memahami klien gay dan lesbian. Kajian kes yang digunakan dalam kajian ini adalah '*single case with embedded units*' iaitu merujuk kepada lebih daripada satu unit analisis atau lebih daripada satu tempat kajian yang mana peserta kajian melebihi dari satu tetapi dalam kajian yang sama (Yin 2015). Berdasarkan kajian ini, peserta kajian yang dipilih melibatkan pelbagai organisasi yang melibatkan tiga lokasi kajian, namun fenomena yang dikaji adalah sama. Rasional pemilihan '*single case with embedded units*' ini adalah kerana kajian ini melibatkan maksimum 15 orang peserta kajian yang terdiri daripada kaunselor dan lokasi yang berbeza-beza dan semua temu bual mempunyai tujuan yang sama. Justeru itu, penerokaan pengetahuan kaunselor dalam memahami klien gay dan lesbian ini dapat dilakukan secara holistik bagi mendapatkan gambaran sebenar fenomena yang dikaji.

Seterusnya, pemilihan peserta kajian dalam kajian ini melibatkan kaedah persampelan bertujuan terhadap kaunselor berdaftar dan kaunselor yang berpengalaman mengendalikan sesi kaunseling bersama klien gay dan lesbian. Patton (2002) menjelaskan persampelan bertujuan membantu pengkaji memahami isu yang dikaji dengan lebih baik. Hal ini kerana peserta kajian yang terlibat kaya dengan maklumat serta selari dengan tujuan kajian yang dijalankan (Sabitha 2005). Seramai 15 orang peserta kajian telah dipilih untuk menyertai kajian ini secara sukarela. Jumlah peserta kajian ini mencukupi untuk mendapatkan data yang kaya bagi kajian kualitatif (Yin 2015; Creswell 2012).

Secara umumnya, tiada penentuan peserta kajian yang khusus bagi kajian kualitatif (Patton 2002; Yin 2015). Terdapat beberapa pengkaji lepas menggunakan jumlah peserta kajian yang sedikit, sebagai contoh Noraini (2013) menggunakan

empat orang peserta kajian dan Farmer (2011) menggunakan lapan orang peserta kajian. Namun demikian, beberapa pengkaji lepas seperti Pachankis et al. (2015) menemubual 23 peserta kajian dan Mazita (2018) menemubual 13 orang peserta kajian. Dalam kajian kualitatif, jumlah peserta kajian perlu memenuhi kehendak objektif kajian. Terdapat juga jumlah peserta kajian bergantung kepada persoalan kajian, data yang dikumpul, analisis yang dijalankan dan sumber-sumber lain yang menyokong kajian (Merriam 2009). Oleh kerana kajian kes termasuk dalam kajian kualitatif, maka dapatan kajian dalam kajian kes tidak dapat dijangka kerana kajian kualitatif tidak mempunyai peraturan atau prosedur yang tetap (Zamri 2004).

Seterusnya, bagi tujuan penulisan dan pelaporan nama-nama peserta kajian yang terlibat tidak dinyatakan (Sofiah et al. 2016), sebaliknya diberi ganti nama; contohnya Peserta kajian 1 (PK1) dan Peserta kajian 2 (PK2). Tindakan ini bertujuan untuk menjaga etika penyelidikan yang mensyaratkan maklumat peserta kajian perlu dilindungi dan tidak dapat dikenali umum bagi mengelakkan sebarang gangguan, ancaman dan salah interpretasi terhadap mereka (Cresswell 2012).

Peserta kajian dalam kajian ini merupakan sumber utama kepada pengkaji dalam mendapatkan data dan maklumat. Pengkaji membuat pemilihan peserta kajian menggunakan kaedah persampelan bertujuan sebagai asas seterusnya menggunakan teknik bebola salji iaitu mengenal pasti peserta yang seterusnya. Bebola salji ini bermaksud peserta kajian yang telah selesai ditemu bual menyarankan rakan lain yang dirasakan sesuai untuk terlibat dalam kajian ini. Hanya peserta kajian yang berpengalaman menjalankan kaunseling gay dan lesbian dipilih untuk di temu bual oleh pengkaji (Creswell 2012). Dalam kajian ini, peserta kajian dipilih dalam kalangan kaunselor yang memenuhi kriteria kajian. Berpandukan pemilihan peserta kajian oleh pengkaji terdahulu iaitu pengkaji menetapkan empat kriteria pemilihan tersebut adalah:

1. Kaunselor yang mempunyai latihan sekurang-kurangnya di peringkat Ijazah Sarjana Muda dalam kaunseling.
2. Kaunselor yang berdaftar dengan Lembaga Kaunselor Malaysia (kaunselor berdaftar) dan mempunyai sijil perakuan amalan.
3. Berkhidmat sebagai kaunselor lebih daripada tiga tahun.



4. Kaunselor yang berpengalaman mengendalikan sesi kaunseling dengan klien gay dan lesbian.

Seterusnya, kesahan dan kebolehpercayaan yang dilakukan telah melalui proses triangulasi, semakan rakan sekerja, semakan peserta kajian, reflektiviti dan pengesahan pakar "*interater cohen kappa*". Proses-proses kesahan dan kebolehpercayaan ini berdasarkan kajian Lincoln & Guba (1985) yang menetapkan menetapkan empat kriteria yang membolehkan sesuatu kajian kualitatif itu diuji dari segi kualiti dan kebolehpercayaannya iaitu (i) kredibiliti, (ii) kebolehpindaan (*transferability*), (iii) kebolehsandaran (*dependability*) dan (iv) kebolehsahan (*confirmability*).

Dalam pendekatan kualitatif, kesahan merujuk kepada kejujuran pengkaji semasa mengutip data, menganalisis data dan akhir sekali menginterpretasi data dalam menjawab persoalan kajian (Creswell 2012). Pengkaji juga merupakan instrumen utama yang boleh dipercayai dalam proses pengutipan data (Creswell 2014).

Bagi prosedur menganalisis data kajian, pengkaji telah memilih pendekatan tiga peringkat penganalisan data oleh Miles & Huberman (1994) iaitu peringkat penapisan, persembahan dan peringkat membuat kesimpulan serta pengesahan data. Proses seterusnya menganalisis data, dalam kajian kualitatif, analisis data dilakukan semasa dan selepas pengutipan data dilakukan. Dalam kajian ini kesemua rakaman suara telah ditranskripsi secara manual. Pengkaji mendengar, menulis semula, membaca dan menandakan dan membahagikan kepada bahagian-bahagian tertentu (Miles & Huberman 1994). Kepelbagaian data memerlukan analisis dilakukan peringkat demi peringkat. Program Nvivo 11 telah digunakan dalam membantu proses analisis data dalam penghasilan tema-tema utama.

## KEPUTUSAN DAN PERBINCANGAN

Dapatan kajian mendapati pengetahuan berkaitan isu-isu gay dan lesbian merupakan sesuatu yang perlu dititikberatkan dalam diri setiap kaunselor, khususnya bagi mengendalikan kes gay dan lesbian. Menerusi temu bual yang dijalankan, peserta kajian mengakui bahawa kaunselor mestilah menguasai ilmu tentang gay dan lesbian serta mendalami ciri-ciri golongan ini.. Keputusan kajian mendapati tema pengetahuan mengandungi lima subtema penting: (i) pengetahuan aspek teori dan psikologi,

- (ii) maklumat @ latar belakang gay dan lesbian, (iii) identiti dan istilah (vi) pengetahuan kesihatan mental dan (v) kaunseling silang budaya.

## PENGETAHUAN ASPEK TEORI DAN PSIKOLOGI

Pengetahuan berkenaan sesuatu teori dilihat mampu memberikan kefahaman dalam usaha seseorang kaunselor memahami golongan gay dan lesbian. Di antara teori yang boleh disandarkan untuk kegunaan bagi klien gay dan lesbian seperti teori Psikodinamik. Teori ini menjelaskan perkembangan psikologi seseorang bersandarkan perkembangan seksual yang dilalui semasa proses tumbesaran. Perkembangan yang terbantut akan memberikan kesan kepada perkembangan psikologi seseorang. Sebagai contoh pada usia dua ke tiga tahun kanak-kanak dikatakan berada di fasa anal. Pada fasa ini kanak-kanak sudah mula diajar tentang pengurusan ke tandas, di tahap ini juga kanak-kanak mendapat kepuasan daripada aktiviti menahan atau melepaskan najis. Sekiranya kanak-kanak tersekat di peringkat ini maka mereka boleh menjadi obses dengan kebersihan dan cenderung mengalami kerisauan seksual. Sebagai contoh, PK1 menjelaskan bahawa teori Psikoanalisis boleh dijadikan sebagai pengetahuan asas dalam usaha memahami golongan gay dan lesbian:

Pada saya kaunselor perlu mengetahui teori-teori kaunseling yang berkait dengan gay dan lesbian maka kita boleh dari teori psikologi contoh teori Psikoanalisis. Kita boleh lihat pada peringkat-peringkat tertentu perkembangan [seksual] mereka terbantut semasa zaman kanak-kanak dan perkembangan terbantut itu memberi kesan kepada dia punya [orientasi/identiti] seksual dan sebagainya.

Dapatan ini selari dengan kajian oleh Amran dan Noriah (2014); Dean & Lane (2003) yang mengatakan teori Psikoanalisis ini lebih jelas dikaitkan dengan golongan gay dan lesbian yang berasaskan bahawa manusia dilahirkan dengan naluri semula jadi (Othman 2000). Menurut Freud, tingkah laku manusia sering didorong oleh desakan seksual yang mana sentiasa mendorong manusia untuk berusaha memenuhi desakan tersebut. Desakan seksual telah wujud dalam diri manusia sejak usia kanak-kanak dan ia merupakan tenaga atau kekuatan yang berada dalam minda bawah sadar. Seseorang akan sentiasa berusaha untuk mencapai kepuasan dan keseronokan yang diinginkan (Nor Nazimi et al. 2017). Oleh itu, kaunselor yang mengendalikan kes gay dan lesbian ini perlulah

mempunyai pemahaman yang tinggi berkaitan gay dan lesbian dari sudut teoritikal, klinikal, emosi dan fizikal mereka supaya kaunselor mempunyai pengetahuan berkaitan dengan kes-kes ini serta kaunselor lebih bersedia berhadapan dengan mereka (Bayne et al. 2020; Siti Hajar et al. 2018).

Seterusnya, dapatan ini juga dikukuhkan lagi dengan temu bual mendalam yang dijalankan ke atas PK4 yang mempunyai pendapat yang sama dengan PK1. Menurut PK4, keperluan pengetahuan psikologi perkembangan daripada peringkat bayi hingga dewasa dan seksualiti manusia adalah penting bagi seorang kaunselor. Jika kaunselor memahami teori perkembangan seksual oleh Freud maka penceritaan oleh klien tentang perkembangan seksual dirinya dapat difahami dengan lebih mudah:

Saya rasa kaunselor perlu tahu *content* dalam gay dan lesbian itu sendiri. *Content* itu maksud saya kita perlu *expert* berkaitan isu-isu gay dan lesbian, isu-isu berkaitan perkembangan manusia, perkembangan manusia dari peringkat bayi, remaja dan kemudian perkembangan dari sudut seksual itu sendiri, bagaimana isu ini boleh berlaku. Apabila klien bercerita, klien pada umur 6 tahun dia pernah melakukan onani dengan sepupu lelaki, jadi apabila dia bercerita kita sudah ada *knowledge* apa Sigmund Freud pernah katakan.

Oleh itu, berdasarkan dapatan kajian di atas menunjukkan tanpa pengetahuan yang mendalam mengenai pengendalian kes gay dan lesbian, kaunselor pasti menghadapi kesukaran mengendalikan sesi kaunseling bersama mereka. Kepentingan pengetahuan psikologi dan teori juga turut dinyatakan dalam penyelidikan oleh Farmer (2011) dan Graham (2009). Kepentingan pengetahuan ini dapat membantu kaunselor untuk lebih bersedia apabila berhadapan dengan klien. Hal ini kerana, tanpa ilmu pengetahuan yang cukup berkaitan gay dan lesbian, kaunselor tidak dapat menjalankan sesi kaunseling dengan baik.

Oleh itu, dapatan kajian di atas selaras dengan kajian oleh Graham (2009), Gess & Horn (2018), Israel & Seldvige (2004) dan Siti Hajar (2018) yang menjelaskan bahawa kaunselor wajar mempunyai pengetahuan dari sudut teori dan psikologi dalam mengendalikan isu-isu berkaitan seksualiti dengan lebih kompeten, di samping itu, dapatan ini juga dapat membantu kaunselor dalam memahami ciri-ciri dan tingkah laku gay dan lesbian secara mendalam serta sekaligus memberi gambaran yang jelas kepada kaunselor terhadap punca, seterusnya penyelesaian yang sesuai untuk membantu golongan gay dan lesbian ini, *American Psychological Association* (2011), *American Counseling Association Governing Council* (2009)

## MAKLUMAT @ LATAR BELAKANG GAY DAN LESBIAN

Bagi mengendalikan kes gay dan lesbian, kaunselor perlu mempunyai maklumat dan latar belakang berkaitan isu-isu gay dan lesbian. Kebanyakan peserta kajian menekankan maklumat dan latar belakang gay dan lesbian ini adalah dari aspek gaya hidup klien, latar belakang yang mendokong tingkah laku mereka, maklumat cara pengendalian kes dan mengetahui pengalaman serta sejarah hidup klien. Keperluan pengetahuan ini perlu dimiliki bagi memudahkan kaunselor untuk membentuk kefahaman tentang gaya hidup dan kehidupan mereka. Menurut PK11, kaunselor wajar mempunyai pengetahuan yang lebih jelas tentang gaya hidup gay dan lesbian agar tidak janggal dan kekok terutama apabila sedang menjalankan sesi kaunseling "... pengetahuan kita tentang *life style* klien, kalau kita tidak tahu *behavior* golongan gay atau pun lesbian ini *so* kita akan rasa pelik sangat, pada klien tidak pelik pun..."

Hal ini turut disokong oleh PK13 yang mengatakan dalam usaha memperolehi maklumat latar belakang gay dan lesbian, beliau menonton video-video berkaitan dengan kes kaunseling gay dan lesbian. Pencarian maklumat ini amat penting supaya kaunselor mengetahui cara pengendalian kes gay dan lesbian dengan betul dan berkesan. Seterusnya, PK13 turut menekankan pencarian maklumat berkenaan berkaitan latar belakang persatuan-persatuan LGBT di Malaysia menerusi carian di laman-laman sesawang. Tujuannya adalah untuk mendalami ilmu tentang golongan ini, selain menyelusuri kehidupan dan dunia mereka:

Sejak saya belajar lagi, saya sudah tahu mengenai isu gay dan lesbian ini. Ilmu berkaitan gay dan lesbian ini ada, tetapi apabila kita berjumpa dengan klien macam ini, ilmu yang kita belajar dalam kelas memang tidak mencukupi. Macam saya sendiri kena cari video dan ilmu yang berkaitan kes, penyakit-penyakit kesan daripada perbuatan gay dan lesbian. Kita kena tahu jugak, betulkan ke gay ini sama lelaki dan lesbian sesama perempuan. *So* macam mana dia bermula, apa kelompok-kelompok dia, carilah kisah pasal diorang ini melalui internet dengan *google*.

Menurut PK11 pula, apabila melibatkan kes gay dan lesbian, kaunselor perlu mempunyai maklumat dari segi pemahaman berkaitan kehidupan, naluri, punca kejadian dan sejarah hidup mereka. Bagi meneroka sejarah hidup klien, kaunselor perlu menjalankan penerokaan yang mendalam berkaitan sepanjang hidup klien sama ada klien pernah dibuli dan didera secara seksual, adakah sejarah hitam

menyebabkan mereka terlibat dengan tingkah laku gay mahu pun lesbian. Oleh itu, kaunselor perlu peka berkaitan dengan perasaan klien dari segi emosi dan psikologi kerana golongan ini sering terdedah dengan unsur bias dan diskriminasi kawan-kawan dan ahli keluarga

Selain itu pemahaman berkaitan dengan gaya hidup dan gaya tindak gay dan lesbian. Pemahaman pemikiran dan pemahaman berkaitan dengan emosi mereka serta pemahaman berkaitan dengan latar belakang gay itu sendiri yang berkaitan dengan sejarah kehidupan mereka, adakah mereka selalu ditindas oleh masyarakat, apa puncanya seperti itu. Sebagai kaunselor kita perlu fahami kehidupan mereka barulah kita akan faham apa yang mereka rasakan.

Kajian juga mendapati kaunselor perlu mengetahui latar belakang klien. Latar belakang klien merangkumi pengalaman lampau, gaya hidup dan ahli keluarga klien. Hal demikian kerana sebagai seorang kaunselor yang kompeten haruslah memiliki pengetahuan yang luas berkaitan kehidupan klien gay dan lesbian. Dapatan ini selari dengan kajian yang dijalankan oleh Brittany & Jacqueline (2017); Gess & Horn (2018); Kanamori & Cornelius-White (2017); Siti Hajar et al. (2018) yang menyatakan sebagai kaunselor yang kompeten dalam mengendalikan kes gay dan lesbian perlu mengetahui dunia dan sejarah hidup klien supaya kaunselor lebih empati dalam memahami masalah klien. Banyak kajian telah mendapati bahawa pengaruh rakan sebaya sering kali memberi kesan terhadap tingkah laku seksual seseorang remaja (Nor Jumawaton, 2018), hal ini juga tidak terkecuali berkaitan isu gay dan lesbian.

Selain itu, maklumat gay dan lesbian yang telah dibincangkan oleh peserta kajian juga berkisar ciri-ciri dan punca berlakunya gejala gay dan lesbian termasuk pengetahuan gerakan-gerakan LGBT yang terdapat di Malaysia. Kaunselor juga mempunyai inisiatif mencari maklumat melalui carian di laman sesawang dan pembacaan. Pada masa yang sama kaunselor juga memperoleh maklumat ini daripada klien sendiri. Hal ini kerana klien mereka juga terlibat secara langsung dengan perbadanan dan gerakan LGBT ini. Ia adalah satu pendedahan yang perlu diketahui oleh kaunselor berkaitan dengan dunia mereka yang sebenar (Kamal Azmi et al. 2015).

Media sosial juga sering kali disebut sebagai faktor utama mempengaruhi anak-anak muda terlibat dalam dunia LGBT. Hal ini kerana kegiatan LGBT semakin aktif di sosial media yang menjadi pilihan kumpulan LGBT untuk mempromosikan

dan membina jaringan serata dunia termasuklah Malaysia (Kamal Azmi et al. 2015; Nor Hafizah et al. 2016). Menurut Kamal Azmi et al. (2015) terdapat beberapa laman sesawang dengan kata kunci “*Top LGBT Social Network*”. Melalui laman sesawang ini, terdapat beberapa laman sosial yang aktif digunakan oleh golongan LGBT untuk meluaskan jaringan, antaranya Grindr, Planet Romeo, Gay.com, Lesbian Malaysia, Manjam. com, Blued app, Delta app, Gaydar, Manhut.net dan banyak lagi. Golongan LGBT ini akan menggunakan jaringan tanpa wayar ini untuk mengumpulkan golongan sesama mereka dan juga tempat mencari pasangan. Oleh itu, Penguasaan media sosial ini boleh mempengaruhi sesiapa sahaja untuk mereka menceburi sesuatu yang baharu dalam kehidupan mereka. Pada masa yang sama juga, pihak kerajaan Malaysia menjelaskan bahawa pihak berkuasa serius dalam usaha dan ingin menangani gejala LGBT berikutan terdapat usaha untuk menuntut agar golongan homoseksual atau trasgender ini diiktiraf pada tahun 2012.

## IDENTITI DAN ISTILAH GAY DAN LESBIAN

Dapatan kajian mendapati bahawa terdapat beberapa peserta kajian memberi penerangan mengenai identiti dan istilah gay dan lesbian. Berdasarkan pengalaman PK4 dalam mengendalikan kes gay, tidak semestinya gay berperwatakan seperti wanita dan lembut. Ciri-ciri kliennya seperti lelaki yang normal, hensem dan maskulin tetapi beliau kaunselor menyedari disebelah telinga klien memakai subang. Walaupun begitu mereka masih mengekalkan ciri-ciri maskulin, namun dari segi kehendak seksualnya, mereka lebih dominan kepada sesama jantina:

Tapi bila masa dapat klien saya yang pertama itu, dia memang nampak seperti lelaki normal, maskulin, lelaki yang *handsome* dan dia bukan lelaki lembut tetapi dia suka lelaki. Tapi saya nampaklah telinganya ditindik. *Maybe* itu identiti mereka yang tidak boleh nampak dengan mata kasar.

Menurut PK11 pula menjelaskan identiti kliennya melalui karakter dan perwatakan yang dibawa oleh kliennya. Kecenderungan tarikan seksual sesama jantina, gay lebih kepada lelaki. Hubungan lelaki dengan lelaki mempunyai banyak kategorinya iaitu karakter lelaki gay ini secara fizikalnya maskulin dan sado tetapi memainkan karakter yang feminin mempunyai perwatakan yang sopan dan perlu dibelai seperti perempuan. Terdapat juga kategori

lelaki feminin tetapi berperwatakan maskulin dan masih mencintai sesama jantina. Begitu juga dengan klien lesbian yang berperwatakan seperti lelaki maskulin kerana pasangan perempuannya berperwatakan feminin:

Klien lesbian saya ini memang memainkan peranan feminin disebabkan itulah pasangannya adalah pengkid. Lelaki itu pula saya nampak dia memainkan karakter yang feminin juga sebab emosi dia terlalu lembut kemudian karakter yang ada pada mereka adalah karakter yang feminin, apa yang saya perhatikan kalau lelaki watak dia adalah perempuan, klien suka kepada karakter maskulin ia akan layan lelaki maskulin itu. Walaupun lelaki itu sado watak dia dalam perhubungan itu adalah perempuan, keempat-empat klien saya ini mempunyai watak yang sama, sama juga dengan lesbian pasangannya adalah pengkid memainkan watak seperti lelaki, klien saya ini memainkan watak feminin.

Selain itu, peserta kajian juga membincangkan soal fizikal dan seksual golongan lesbian. Menurut PK9 hubungan lesbian ini melibatkan perempuan dengan perempuan yang salah seorangnya bersifat feminin dan maskulin. Contoh lesbian maskulin berperwatakan dan berpakaian seperti lelaki berambut pendek, cara jalan yang kasar dan berdada rata. Tambahnya lagi lesbian lebih kepada hubungan percintaan sesama wanita. Hal ini bermaksud mereka sekadar ingin disayangi, walaupun sesama jantina, termasuk melakukan hubungan seksual:

Kalau lesbian ini melibatkan hubungan sesama jantina juga antara perempuan dengan perempuan, tetapi apabila sebut pasal lesbian ini saya tengok lebih kepada perhubungan seksual dan percintaan. Kalau pengkid ini seperti lelaki maskulin walaupun mereka perempuan tetapi berperwatakan mereka macam lelaki, rambut pendek pakai seluar jeans, pakai kemeja lelaki, jalan macam lelaki dan *breast* dia pun dia tutup menggunakan bengkung, itu definisi dan identiti lesbian yang saya boleh gambarkan secara umum.

Justeru, berdasarkan dapatan kajian menunjukkan peserta kajian juga turut membincangkan pengetahuan berkaitan identiti dan terma-terma dalam gay dan lesbian. Identiti gay dan lesbian ini dibincangkan dari aspek seks, jantina, orientasi seksual, identiti jantina merujuk kepada ciri-ciri fizikal seperti gerak geri yang dipamerkan, cara berkomunikasi, pakaian dan perasaan mereka. Identiti gay dan lesbian ini dapat dikenal pasti dari segi fizikal, tingkah laku dan perasaan mereka terhadap hubungan seksual yang romantik. Kebanyakan lelaki mempunyai wajah yang tampan, bentuk fizikal dan gaya berbeza berbanding dengan golongan lelaki normal. Personaliti dan percakapan biasanya lembut dan gerak geri gemalai merupakan personaliti yang sering ditonjolkan kepada masyarakat.

Seterusnya, di Malaysia, terma bagi hubungan lelaki sama lelaki adalah *gay*, manakala perempuan pula lesbian (Yik 2001). Menurut Lukman & Zuriana (2002), golongan ini terbahagi kepada dua kelompok iaitu lelaki yang *trans (cross)* kepada wanita (*male to female*) atau dikenali sebagai pondan, bapuk, darai, nyah, *girlie*, *doll* dan *sissy*. Kedua ialah wanita yang *trans* kepada lelaki (*female to male*) seperti *tomboy*, *butch* (di Malaysia, ia dikenali sebagai *pengkid*) dan *transman* (transeksual wanita selepas menjalani pembedahan genital). Manakala bagi banyak bahasa terma yang digunakan dalam kalangan mereka. Dalam dunia PLU (*People Like Us*) ia membawa maksud tersendiri contohnya PLU lelaki ada *bottom*, *top* dan *flexi*, kalau PLU bagi perempuan pula selalu menggunakan perkataan *butch* dan *femme* (Lukman & Zuriana 2002; Yik 2001).

## PENGETAHUAN KESIHATAN MENTAL

Hasil kajian mendapati bahawa seseorang kaunselor perlu mengetahui dan peka dengan masalah kemurungan yang dihadapi oleh klien, kerana tahap kemurungan yang tinggi mendorong seseorang klien untuk bertindak membunuh diri. Menurut PK1, beliau pernah mengendalikan satu kes di mana kliennya pernah cuba untuk membunuh diri disebabkan ditinggalkan oleh pasangan. Menyedari keadaan itu, PK1 telah membuat ujian psikologi ke atas klien dan mendapati tahap kemurungan yang dihadapi oleh klien adalah tinggi. Justeru, PK1 menekankan supaya kaunselor peka terhadap tahap kemurungan yang dihadapi oleh klien supaya kaunselor tahu dan dapat membantu klien dari bertindak di luar kawalan:

Masa itu dia *clash* dengan pasangan dia, pasangan dia sudah ada orang lain dan dia pernah hendak cuba bunuh diri, dia *depression*, bila saya buat test dengan dia, *depression* dia tinggi. Jadinya kaunselor perlu tahu tahap kemurungan klien nie sampai mana. Perkara ini perlu dititikberatkan oleh kaunselor.

Hal ini turut diakui oleh PK12 kerana beliau juga mempunyai pengalaman yang hampir sama dan pernah mengendalikan klien yang bertindak mencederakan diri disebabkan ditinggalkan oleh pasangan. Oleh itu, bagi mengelakkan perkara ini berlaku, kaunselor perlu peka dan mengetahui isu berkaitan kesihatan mental terutama berkaitan dengan masalah kemurungan dan tekanan. Menurut PK12, kaunselor juga perlu tahu berkaitan dengan alat-alat ujian psikologi supaya ia dapat dilakukan ke atas klien bagi mengetahui tahap kemurungan yang



dihadapi oleh klien, supaya kaunselor tidak gelabah apabila klien cuba bertindak untuk membunuh diri. Hal ini kerana, seseorang yang mengalami kemurungan yang tinggi cenderung untuk membunuh diri, jika perkara ini tidak dibendung dari awal. Oleh itu, kepentingan pengetahuan isu kesihatan mental ini sedikit sebanyak dapat membantu kaunselor untuk lebih bersedia dengan pelbagai kemungkinan yang berlaku kepada klien sepanjang sesi berjalan:

Sesi keenam dia mula cederakan diri sendiri sebab sepanjang sesi dia putus cinta dengan pasangan gay, so dia mula cederakan diri, dia di tahan di pusat kesihatan sebab cubaan membunuh diri. Jadinya kita boleh lihat klien memang mempunyai tahap *depression* yang tinggi. Bagi mengelakkan isu ini berlaku, kita perlu mengetahui berkaitan dengan alat-alat ujian psikologi berkaitan dengan kemurungan dan *anxiety* supaya kaunselor tidak gelabah dengan klien yang cuba membunuh diri.

Dapatan kajian ini selari dengan beberapa pengkaji (contoh, Chan 2018; Chan & Erby 2018; Chan et al. 2017; Singh 2013) yang menyatakan golongan gay dan lesbian ini terdedah kepada kemurungan, tekanan, diskriminasi dan kesihatan mental. Oleh itu, kaunselor yang kompeten wajar menguasai pengetahuan berkaitan kesihatan mental supaya dapat membantu klien meningkatkan motivasi diri mereka serta menghalang mereka daripada mencederakan diri kesan daripada emosi yang terganggu.

Justeru, dapatan kajian juga mendapati keperluan pengetahuan berkaitan dengan kesihatan mental klien. Apabila menyentuh isu gay dan lesbian, ia bukan sahaja berkaitan dengan tingkah laku mereka malahan ia juga berkait dengan gangguan psikologi dan masalah kemurungan. Mereka juga cenderung untuk mencederakan atau membunuh diri. Masalah yang mereka hadapi ini disebabkan oleh tekanan hidup sehingga menyebabkan mereka melakukan perkara di luar kawalan.

Menurut Hammer et al. (2019) dan Israel (2013), klien akan membawa pelbagai isu dalam sesi termasuklah isu gangguan psikologi yang disebabkan kemurungan. Apabila melibatkan permasalahan gangguan psikologi ia memberikan kesukaran kepada kaunselor untuk menjalankan sesi kaunseling kerana seseorang kaunselor perlu memberi penekanan kepada emosi klien. Oleh itu, sebagai kaunselor adalah perlu untuk mengetahui dengan mendalam berkaitan masalah kemurungan dan bunuh diri, bukan setakat mengetahui kemurungan itu adalah kesedihan. Oleh yang demikian, seseorang kaunselor perlu membuat

persediaan dan mempunyai maklumat dalam pelbagai isu dan skop termasuklah isu-isu berkaitan kesihatan mental, kemurungan dan bunuh diri, tidak cukup hanya sekadar mengetahui maklumat tentang gay dan lesbian sahaja.

## PENGETAHUAN SILANG BUDAYA

Berdasarkan dapatan kajian, peserta kajian juga telah membincangkan berkaitan kepentingan mempunyai pengetahuan silang budaya dalam mengendalikan kes gay dan lesbian. Bagi PK7 mengatakan pengetahuan kaunseling silang budaya ini perlu diambil kira dalam proses kaunseling untuk melahirkan kaunselor yang mampu memberikan perkhidmatan kaunseling yang holistik dan berkesan. Kaunselor perlu memahami budaya, etnik, agama dan orientasi seksual klien budaya. Selain itu, kaunselor juga tidak boleh mempunyai sikap prejudis dan prangsangka. Elemen prejudis dan prasangka ini terdapat dalam kaunseling silang budaya. Kaunselor juga tidak boleh meletakkan nilai kepada klien kerana nilai kaunselor dan nilai klien adalah berbeza. Walaupun tingkah laku gay dan lesbian ini salah disisi agama, itu bukan bermaksud kaunselor tidak wajar menghukum dan menilai klien. Kaunselor perlu menerima kehadiran klien tanpa syarat, penerimaan ini bukannya mengakui perbuatan yang dilakukan tetapi menerima klien sebagai manusia yang normal seperti orang lain:

Kompetensi kaunselor ini ada pelbagai aspek, kalau kita tengok kompetensi dalam silang budaya, kaunseling ini perlu mempunyai kepakaran yang meluas tentang *cross cultural*. Kita ada nilai sendiri dan nilai klien berbeza, jadinya kesedaran perlu ada, tidak kira isu apa-apa. Contohnya klien ini suka kepada lelaki so kita tidak boleh menunjukkan benda ini adalah pelik, pelik maksudnya kita bersedia menerima walaupun klien merasakan kaunselor takut tidak boleh menerima sebab klien yang datang hendak kaunselor menerima masalah dia dan bukannya mengecam dan kaunselor perlu ada keinginan untuk membantu klien untuk berubah.

Dapatan PK7 dikukuhkan lagi dengan temu bual mendalam yang dijalankan ke atas PK11. Beliau mempunyai pendapat yang sama berkaitan pengetahuan silang budaya. Menurut PK11, pengetahuan silang budaya ini sudah didedahkan semasa pengajian di universiti kepada pelajar-pelajar kaunseling supaya lebih peka dan bersedia untuk pada masa akan datang. Apabila seseorang kaunselor memahami kaunseling silang budaya, mereka boleh menerima secara terbuka kes-kes yang melibatkan seksualiti ini. Oleh itu kaunselor perlu

mengelakkan sikap yang negatif seperti prejudis, bias dan diskriminasi dalam sesi kaunseling yang dijalankan. Boleh dilihat melalui petikan di bawah:

Selain itu, sebagai kaunselor perlu mempunyai pengetahuan silang budaya, sebab kaunseling silang budaya memang sudah diterapkan semasa kita di universiti lagi. So pada saya sesiapa kaunselor yang memahami silang budaya, tiada masalah untuk dia menerima secara terbuka berkaitan dengan kes seksualiti. Kerana silang budaya dapat dilihat dari segi gender, orientasi seksual, pendidikan dan sistem kepercayaan. Walaupun nampak mudah difahami tetapi agar sukar untuk diterapkan dalam proses kaunseling disebabkan oleh prejudis, bias dan syak wasangka oleh kaunselor dalam sesi yang dijalankan.

Dapatan kajian ini juga menekankan kepentingan pengetahuan silang budaya dalam pengendalian kes gay dan lesbian. Kaunseling pelbagai budaya adalah perkhidmatan kaunseling yang disediakan di mana sifat-sifat budaya yang sedia ada dan relevan disatukan dalam konteks proses kaunseling yang dijalankan. Sifat-sifat budaya ini termasuklah etnik, bangsa, jantina, identiti seksual, status ekonomi, ketidakupayaan, umur dan pegangan agama. Keadaan ini menunjukkan keperluan untuk memiliki kecekapan kaunseling pelbagai budaya yang dibangunkan melalui keempat dalam bidang kaunseling (American Counseling Association 2009).

Menurut Nurhijrah (2017), kaunselor yang memahami kepelbagaian budaya akan lebih kompeten untuk mengendalikan sesi kaunseling gay dan lesbian. Kaunselor akan menghormati pandangan budaya dan tingkah laku budaya gay dan lesbian serta tidak merendah-rendahkan kliennya. Seorang yang kompeten pelbagai budaya akan mengamalkan nilai-nilai pelbagai budaya dalam kehidupan seharian. Amalan ini akan memberi kesan terhadap sikap dan interaksi untuk berhadapan dengan klien gay dan lesbian. Kefahaman tentang pelbagai budaya juga dapat meningkatkan kepekaan kaunselor terhadap sensitiviti klien dalam sesi kaunseling. Perkara yang sensitiviti ini adalah melibatkan identiti dan nilai yang klien pegang.

Dapatan ini juga selaras dengan kajian oleh Bakar et al. (2017); Nurhijrah (2017); Kamarul (2014); Israel et al. (2003) dan Israel & Selvidge (2004). Menurut Israel & Selvidge (2004) dalam kaunseling pelbagai budaya mengandungi pemahaman interaksi antara pelbagai jenis penindasan, contohnya, jantina, etnik, kelas, dan orientasi seksual. Ia adalah satu komponen penting dalam pengetahuan kaunselor tentang isu-isu gay dan lesbian.

Justeru, di Malaysia isu-isu pelbagai budaya dalam perkhidmatan kaunseling yang menuntut

kerterbukaan masyarakat untuk membincangkan khususnya dalam isu-isu yang berkaitan seksual seperti lesbian, gay, biseksual dan transgender (Kamarul 2014). Bagi membincangkan isu ini, kaunselor juga perlu terbuka dan tidak bias dan prejudis untuk menerima isu ini dalam pengendalian sesi kaunseling. Kaunselor memerlukan kemahiran-kemahiran tertentu untuk berhadapan dengan klien ini supaya berasa selesa dengan masalah seksual yang dibawa oleh klien gay dan lesbian. Kemahiran kaunselor berhadapan dengan klien gay dan lesbian amat penting kerana ia memberi kesan kepada penyelesaian klien. Oleh itu, dalam usaha untuk menjadi berkesan dalam suasana yang terapeutik dengan golongan gay dan lesbian, kaunselor mesti berkomunikasi secara konsisten menunjukkan empati, tulen dan menunjukkan memberi sokongan kepada mereka untuk mendapatkan kehidupan yang lebih baik (Kamarul 2014). Ini bertepatan dengan kajian yang menyatakan bahawa isu ini harus diberi perhatian untuk tujuan mengenal pasti dan membantu golongan ini mencapai kesejahteraan dalam kehidupan (Gess & Horn 2018; Jeffrey et al. 2019; Pederson 2003; Siti Hajar 2020).

## KESIMPULAN

Secara keseluruhan, dapatan kajian ini menunjukkan bahawa kaunselor dalam kajian ini mencapai asas pengetahuan tentang isu-isu gay dan lesbian. Oleh itu jelaslah bahawa domain pengetahuan merupakan faktor yang utama mendorong kaunselor menjayakan amalan proses kaunseling gay dan lesbian. Domain pengetahuan ini merupakan salah satu komponen dalam kompetensi kaunselor yang merangkumi pengetahuan, kemahiran, sikap dan nilai. Justeru, kertas kerja ini hanya mengupaskan komponen pengetahuan sahaja supaya dapat diperincikan lagi untuk pendedahan kepada para kaunselor dan masyarakat.

Walau bagaimanapun, seorang kaunselor perlu berpengetahuan luas bukan sahaja dalam bidang kaunseling malah turut berpengetahuan dalam isu-isu yang melibatkan golongan gay dan lesbian. Kajian ini menunjukkan bahawa kaunselor mempunyai kesedaran untuk memahami klien gay dan lesbian dengan lebih mendalam walaupun mereka mempunyai kekurangan latihan dan kemahiran dalam mengendalikan kes ini. Sehubungan itu, dapatlah dirumuskan bahawa sememangnya pengetahuan kaunselor dari pelbagai sudut perlu dikuasai oleh setiap kaunselor yang

berhadapan dengan isu ini. Hal ini kerana isu gay dan lesbian bukanlah isu yang biasa, ianya melibatkan identiti dan tingkah laku seksual seseorang. Justeru, pemahaman yang kritikal mengenai tingkah laku, ciri-ciri, punca, serta keadaan emosi dan psikologi mereka haruslah ditekankan dalam usaha untuk membantu mereka menyelesaikan kemelut yang melanda diri mereka.

### SUMBANGAN KAJIAN

Dapatan kajian ini telah dapat menghasilkan dua sumbangan kepada, (i) model kaunseling gay dan lesbian dan (ii) latihan dan kursus. Kajian ini telah membina satu kerangka model dalam amalan kaunseling gay dan lesbian di Malaysia. Hasil kajian yang dilakukan oleh pengkaji memberi gambaran tentang keperluan kepada pembinaan model kaunseling gay dan lesbian dalam memberi pencerahan dan panduan kepada kaunselor dalam mengendalikan kes-kes gay dan lesbian. Hasil kajian juga dapat meningkatkan kompetensi kaunselor seiring dengan pengamalan etika yang betul dalam mengintegrasikan pendekatan kaunseling gay dan lesbian dalam sesi kaunseling. Bagi aspek pengetahuan ini pengkaji meneroka kefahaman kaunselor berkaitan isu-isu gay dan lesbian dari aspek psikologi, teori, isu kesihatan mental, tingkah laku, pengalaman lampau klien, latar belakang klien dan keluarga serta gaya hidup yang diamalkan oleh klien gay dan lesbian.

Kajian ini dapat memberi kesedaran kepada Persatuan Kaunseling Malaysia (PERKAMA), Lembaga Kaunselor, Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga dan masyarakat serta NGO-NGO untuk mempertingkatkan seminar dan kursus yang berfokus kepada pengendalian klien gay dan lesbian. Selain itu juga boleh menjemput pakar-pakar dari luar negara yang mempunyai kepakaran dalam kaunseling gay dan lesbian. Ini selaras dengan cadangan semua peserta kajian ini yang telah menyatakan keinginan mereka untuk menghadirkan sebarang seminar yang berkaitan dengan kaunseling gay dan lesbian untuk meningkatkan kompetensi kaunselor.

### RUJUKAN

American Counseling Association. 2009. Code of ethics and standard of practice. Washington DC: Author.

- American Counseling Association. 2009. ACA code of ethics and standards of practice Alexandria, VA: Author.
- American Psychological Association. 2011. *Ethical Principles of Psychologists and Code of Conduct*. Washington, DC: Author.
- Amran Hassan & Noriah Mohamed. 2014. Alternatif keagamaan dan kaunseling: sebagai rawatan utama mengatasi permasalahan homoseksualiti. *Journal of Human Development and Communication* 3(11): 47-55.
- Bakar, R., Che Aman, R. & Syed Abdullaha, S. M. 2017. Self-efficacy, attitude, readiness and challenges in executing the guidance and counseling service with special need clients. *Journal of Nusantara Studies* 2(2): 264-281.
- Bayne, H. B., Conley, A. H., & Colburn, A. N. 2020. Counselor Empathy; Religiosity and Lesbian, Gay, and Bisexual Perspectives. *Counseling and Values* 65(1): 57-74.
- Bidell, M.P. 2005. The sexual orientation counselor competency scale: Assessing attitudes, skills, and knowledge of counselors working with lesbian, gay, and bisexual clients. *Counselor Education & Supervision* 44(12): 267-278.
- Brittany Rivers & Jacqueline M. Swank. 2017. LGBT ally training and counselor competency: a mixed-methods study. *Journal of LGBT Issues in Counseling* 11(1): 18-35.
- Caldwell, R. 2010. HR business partner competency models: Recontextualising effectiveness. *Human Resource Management International Digest* 17(3): 275-294.
- Chan, C. D. 2018. Families and transformative allies to trans youth of color: Positioning intersectionality as analysis to demarginalize political systems of oppression. *Journal of GLBT Family Studies* 14(12): 43-60.
- Chan, C. D., & Erby, A. N. 2018. A critical analysis and applied intersectionality framework with intercultural queer couples. *Journal of Homosexuality* 65(9): 1249-1274.
- Chan, C. D., Erby, A. N., Farmer, L. B., & Friday, A. R. 2017. LGBTQ identity development. In *College student development: applying theory to practice on the diverse campus*, edited by W. K. Killam & S. E. Degges-White, 149-160. New York: Springer.
- Constantine, M. G., & Ladany, N. 2001. New visions for defining and assessing multicultural counseling competence. In *Handbook of multicultural counseling*, edited by J. G. Ponterotto, J. M. Casas, L. A. Suzuki, & C. M. Alexander. 482-498. Thousand Oaks, CA: Sage.
- Creswell, J.W. 2012. *Qualitative inquiry and research design: Choosing among five approaches*. 3rd Edition. Thousand Oaks, California: Sage Publications, Inc.



- Dean, T., & Lane, C. 2003. *Homosexuality and Psychoanalysis*. Chicago: The University of Chicago Press.
- Dini, F. 2016. *Tesis of counseling strategies based on multicultural community welfare in Malaysia*. Tesis Dr. Fal, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Farmer, L. B. 2011. *Counselors' self-perceived competency with lesbian, gay, and bisexual clients*. PhD Thesis, Faculty of Education, The Virginia Polytechnic Institute and State.
- Gess, J. M., & Horn, E. A. D. 2018. Queering Counselor. Education: Situational Analysis of LGBTQ+ Competent Faculty. *Journal of LGBT Issues in Counseling* 12(2): 101-118.
- Ginicola, M. M., Smith, C., & Filmore, J. M. (Eds.). 2017. Affirmative counseling with LGBTQI+people. Alexandria, VA: *American Counseling Association*.
- Graham, S. R. 2009. *Counseling competency with lesbian, gay and biseksual clients: perceptions of counseling graduate students*. PhD Thesis, Graduate Faculty of Auburn University.
- Hammer, T. R., Crethar, H. C., & Hubach, R. D. 2019. The importance of and interdisciplinary approach in our work within the LGBTQ+ community. *Journal of LGBT Issues in Counseling* 4(12): 124-130.
- Israel, T. 2013. The LGBT Casebook (book.review). *Society for the Psychological Study of Lesbian, Gay, Bisexual and Transgender Issues Newsletter* 29(3):5-6.
- Israel, T., & Selvidge, M.D. 2004. Contributions of multicultural counseling to counselor competence with lesbian, gay, and bisexual clients. *Journal of Multicultural Counseling and Development* 8(31): 84-98.
- Israel, T., Ketz, K., Detrie, P. M., Burke, M. C., & Shulman, J. L. 2003. Identifying counselor competencies for working with lesbian, gay, and bisexual clients. *Journal of Gay & Lesbian Psychotherapy* 7(4): 3-21.
- Jeffrey M., Dilani P., Diltz. P., & Narketta, S. K. 2019. Exploring the relationships among practitioners' consultation skills, competence to counseling lesbian, gay, and bisexual clients, and attitudes toward transgender people. *Journal of Gay. & Lesbian Social* 30(4): 374-392.
- Kamal Azmi Abd. Rahman, Mastura Md Nizam, Ain Balkis Mohd Nizam, Nurul Husna Mohd Jabar, Khairunnajah Ahmad Zaid. 2015. Profil masyarakat Melayu Malaysia di media sosial yang mempromosikan LGBT. In *Isu-isu Semasa Media dan Dakwah Islam*, edited by Yusmini Md Yusoff, Nor Raudah Hj Siren, Muhammed Yusof and Fakhrol Adabi Abdul Kadir. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Kamarul Md Shah. 2014. Kecekapan guru kaunseling sekolah menengah Negeri Selangor dalam mengamalkan kaunseling pelbagai budaya. Tesis Dr. Fal, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia Bangi.
- Kanamori, Y., & Cornelius-White, J. H. D. 2017. Counselors' and counseling students' attitudes toward transgender persons. *Journal of LGBT issues in counseling* 11(1): 36-51.
- Lembaga Kaunselor Malaysia. 2016. Piawaian dan kelayakan latihan kaunselor. Putrajaya: Lembaga Kaunselor.
- Lincoln, Y.S & Guba, E. G. 1985. But is it rigorous? Trustworthines and authenticity in naturalistic evaluation. In *Naturalistic inquiry*, edited by D.D. Williams, 73-84, San Francisco: Jossey-Bass.
- Logan, C. R., & Barret, R. 2005. Counseling competencies for sexual minority clients. *Journal of LGBT Issues in Counseling* 1(1): 3-15.
- Lugg, C. A., & Murphy, J. P. 2014. Thinking whimsically: queering the study of educational policy-making and politics. *International Journal of Qualitative Studies in Education* 27(9): 1183-1204.
- Lukman Z. Mohamad & Zuriana Zahrin. 2002. Fenomena Pelacuran Remaja Di Malaysia. In *Keluarga Gender dan Cabaran Sosial di Malaysia*. Lukman et al. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Mazidah Mohd Dagang, Raja Zirwatul Aida Raja Ibrahim & Azlina Abu Bakar @ Mohd. 2014. *Counselor's spiritual competence in Malaysia Asian Social Science* 10(10): 182- 187.
- Mazita Ahmad. 2019. *Integrasi pendekatan spiritual dan agama dalam kes kaunseling keluarga dan perkahwinan dalam kalangan kaunselor di Malaysia*. Tesis Dr. Fal., Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Merriam, S.B. 2009. *Qualitative research: a guide to design and implementation*. San Francisco, California: John Wiley & Sons.
- Miles, M. B., & Huberman, A. M. 1994. *Qualitative data analysis: an Expanded sourcebook*. 2nd Ed. Thousand Oaks, California: SAGE Publications Inc.
- Moe, J., Bower, J., & Clark, M. 2017. Counseling queer and genderqueer clients. In *Affirmative. counseling with LGBTQI people*, edited by M. M.Ginicola, C. Smith. & J. M. Filmore, 213-226, Alexandria, VA: American Counseling Association
- Mohammed Yusof, D. G., & Nasrudin, S. 2018. Religious and sexual identity conflict among same-sex attracted Muslim men: a conceptual differences of life experience between Western and Muslim majority countries. *Jurnal Psikologi Malaysia* 32(4): 133-149.
- Noor Hafizah Haridi, Kamal Azmi Abd Rahman & Rosni Wazir. 2016. *Jurnal Pengajian Islam. Fakulti. Pengajian Peradaban Islam*. ISSN. 1823-7126 / E-ISSN 0127-8002.
- Noraini Idris. 2013. *Penyelidikan dalam pendidikan*. Selangor: McGraw-Hill Education (M) Sdn. Bhd.
- Nor Jumawaton, S., Mariani, M., Zainal, M., & Hanina, H. H. 2018. Hubungan pengaruh rakan sebaya, estim



- diri dan lokus kawalan dengan sikap terhadap tingkah laku seksual. *Akademika* 88(2): 81-94.
- Nor Nazimi Mohd Mustaffa, Jaffary Awang & Aminudin Basir@Ahmad. 2017. Tingkah laku beragama menurut Freud. *Akademika* 87(3):89-99.
- Norsaleha, M. S., Ahmad, M. I., Noor Hafizah, M. H., & Mohd Syairawi, Mohd Nor. 2021. Persepsi belia berisiko liberal terhadap agenda liberalisme. *Akademika* (91) 1: 129-138.
- Nurhijrah Zakaria. 2017. *Elemen kompetensi pelbagai budaya dalam pengajaran dan pembelajaran sejarah*. Tesis Dr. Fal., Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Othman Mohamed. 2000. *Prinsip psikoterapi dan pengurusan dalam kaunseling*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Pachankis, J., Hatzenbuehler, M., Rendina, H., Safren, S., & Parsons, J. 2015. LGB-affirmative cognitive-behavioral therapy for young adult gay and bisexual men: a randomized controlled trial of a transdiagnostic minority stress approach. *Journal of Consulting and Clinical Psychology* 83(5): 875-889.
- Patton, M.Q. 2002. *Qualitative research and evaluation methods*. 3rd. Ed. Thousand Oaks, CA: Sage Publications Inc.
- Pedersen, P. 2003. *Multiculturalism as a fourth force*. Philadelphia, PA: Brunner/Mazel.
- Rumens, N. 2017. Queering lesbian, gay, bisexual and transgender identities in human resource development and management education contexts. *Management Learning* 48(2): 227-242.
- Rutter, P. A., Estrada, D., Ferguson, L. K., & Diggs, G. A. 2008. Sexual orientation and counsellor competency: the impact of training on enhancing awareness, knowledge, and skills. *Journal of LGBT Issues in Counseling* 2(2): 109-125.
- Sabitha Marican, 2005. *Kaedah penyelidikan sains sosial*. Kuala Lumpur: Pearson Malaysia Sdn. Bhd.
- Sakunpong, N. (2018). Life narrative to substance use: voices from LGBTQ people. *Journal of Health Research* 32(5): 387-394.
- Skerven, K., Whicker, D. R. & LeMaire K. L. 2019. Applying dialectical behaviour therapy to structural and internalized stigma with LGBTQ+ clients. *The cognitive behavior therapy* 28(7): 231-230.
- Singh, A. A. 2013. Transgender youth of color and resilience: Negotiating oppression and finding support. *Sex Roles* 68(11): 690-702.
- Singh, A. A., & Dickey, L. M. (Eds.). 2017. *Affirmative counseling and psychological practice with transgender and gender non conforming clients*. Washington D.C.: American Psychological Association.
- Siti Hajar, J. 2020. *Meneroka kompetensi kaunselor dalam pengendalian klien gay dan lesbian*. Tesis Dr. Fal., Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Siti Hajar, J., Salleh A. & Nasrudin, S. 2020. *Tatacara pengendalian kaunseling gay dan lesbian*. Bangi: Penerbit UKM.
- Siti Hajar, J., Salleh A., Nasrudin, S., & Mohd Faradi G. 2018. Competency of counsellors in handling clients in Malaysia. *International Journal of Social Science* 8(9): 636-650.
- Sofiah Mohamed, Kamarul Azmi Jasmi & Muhammad Azhar Zailaini. 2016. Akhlak guru dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam. *Akademika* 86(2): 31-42
- Welfel, E. R. 2016. *Ethics in counseling and psychotherapy: standards, research and emerging issues*. (6th ed.). Boston, MA: Cengage Learning.
- Yik, K. T. 2001. Mak Nyahs (male transsexuals) in Malaysia: the influence of culture and religion on their identity. *The International Journal of Transgenderism* 5(3) [http://www.symposion.com/ijt/ijtvo05no03\\_04.htm](http://www.symposion.com/ijt/ijtvo05no03_04.htm)
- Yin, R.K, 2015. *Qualitative research from start to finish*. 2nd Ed. New York: The Guilford Press.
- Zamri Mahamod. 2004. *Strategi pembelajaran bahasa Melayu di kalangan pelajar Melayu sekolah menengah*. Tesis Dr. Fal, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Siti Hajar Jamal  
Emel : sitihajar\_jamal@yahoo.com

Nasrudin Subhi  
Pusat Kajian Psikologi dan Kesejahteraan Manusia,  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,  
Universiti Kebangsaan Malaysia.  
Emel : nas2572@ukm.edu.my

Salleh Amat  
Pusat Kepelbagaian Pendidikan,  
Fakulti Pendidikan,  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
Emel : sallahba@ukm.edu.my

Received: 25 February 2019

Accepted: 3 June 2021